

Siswa contoh

Leftenant Muda Mohd Firdaus cemerlang akademik, kokurikulum

Oleh Mohd Faisal Md Noor

bhvarsiti@bharian.com.my

BERFIKIRAN positif dan bijak merancang masa menjadikan pelajar Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) Universiti Putra Malaysia (UPM), Leftenant Muda Mohd Firdaus Zakaria bukan saja pelajar yang wajar dijadikan contoh, bahkan pencapaian dalam bidang pengajian juga amat membanggakan.

Memulakan karier di Bahagian Perancangan Korporat, Pejabat Naib Canselor UPM sebaik menamatkan pengajian ijazah pertamanya, Mohd Firdaus turut terbabit secara langsung dalam proses perancangan strategik UPM, terutama dalam pengurusan ranking universiti dunia, selain mengurus tadbir pelan strategik UPM.

Di samping itu, aktiviti perancangan korporat yang lain antaranya latihan pengurusan nilai, pengurusan belanjaan berasaskan hasil dan penjenamaan UPM turut dipertanggungjawabkan kepada beliau.

"Pembahagian masa menjadi paling kritis jika mahu terus mengecapi kejayaan cemerlang dalam bidang pengajian dan kerjaya pilihan ini. Ia memang satu senario yang mencabar dan memerlukan kemahiran menguruskan (masa) yang berkesan.

"Ia membabitkan pengurusan strategi yang bagus bagi menangani jadual harian padat untuk memastikan ia seimbang, antara pengajian dan kerjaya ini," katanya yang kini menjawat jawatan sebagai eksekutif kanan dalam sebuah anak syarikat UPM.

Mohd Firdaus berkata, kepercayaan diberikan UPM kepadanya menjadi perangsang untuk beliau terus memberikan sumbangan terbaik.

Katanya, komitmen tidak berbelah bahagi kepada kesemua tuntutan kerjaya dan pengajian itu, termasuk menghadiri kuliah pada sebelah malam sudah menjadi rutin yang perlu diharungi bagi membalaaskan kepercaya-

an diberikan semua pihak.

"Ada kalanya, rutin itu memenatkan, tapi semua dilakukan kerana minat mendalam. Tambahan lagi, saya turut bertugas sebagai pensyarah sambilan di Pusat Inovasi Keusahawanan dan Pembangunan Pelajar UPM, sudah pasti ia kedengaran amat membebankan, tapi secara jujurnya, saya amat menyukai semua tanggungjawab diberikan ini.

"Pengorbanan dari segi masa rehat yang tidak mencukupi kerana jadual padat saban hari sudah menjadi perkara biasa. Sebab itu, seperti yang saya maklumkan tadi, ia memerlukan

serta bilik kuliah dapat dijalankan dengan lancar.

"Kombinasi kemahiran insaniah dan kemahiran teknikal dipupuk melalui pembabitan (berterusan) dalam aktiviti berorganisasi juga amatlah kritis dalam pembangunan modal insan. Pelajar harus bijak mengurus secara strategik kebolehan diri memastikan kehidupan harian yang mencabar dan kompetitif dapat disusun secara efektif," katanya.

Mohd Firdaus yang sering terpilih sebagai pegawai pengiring ketua negara dalam beberapa persidangan antarabangsa mengakui komitmen



MOHD FIRDAUS bersama Tun Dr Mahathir Mohamad.

komitmen tinggi dan disiplin diri yang ampuh, sentiasa berfikiran positif dan mengamalkan gaya hidup sihat (mental dan fizikal)," katanya.

Penerima Anugerah Naib Canselor dan Pelajar Terbaik Keseluruhan Kolej Sultan Alaeddin Suleiman Shah UPM itu mengakui bahawa pengalaman beliau aktif sebagai atlet, pemimpin pelajar dan perwakilan (peringkat universiti dan negara) banyak membantu proses penerapan disiplin dan pengendalian organisasi secara efektif bagi memastikan tugas di pejabat

tinggi dan perancangan yang teliti menjadi kunci utama untuk memastikan setiap perancangan yang dibuat dapat dicapai.

Beliau yang bercita-cita untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Doktor Falsafah (PhD) dan menjadi Ketua Pegawai Eksekutif yang disegani berharap, lebih ramai pelajar yang tampil menonjolkan kemampuan diri masing-masing bagi bersama menjadikan impian Malaysia sebuah negara yang berpendapatan tinggi tercapai.



